

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1991/1992

Mac/April 1992

BOI 181/2: BIOLOGI VERTEBRATA

Masa: [2 jam]

Bahagian A adalah **Wajib** dan mengandungi **DUA** soalan.

Tiap-tiap soalan bernilai 20 markah.

Bahagian B. **DUA** soalan mesti dijawab di mana tiap-tiap soalan bernilai 30 markah.

(BOI 181/2)

Bahagian A (Wajib)

1. Tuliskan nota ringkas tentang tajuk berikut:

- (a) (i) Ikan hag
- (ii) Ikan pari

(10 markah)

- (b) (i) Kelas Holocephali
- (ii) Subkelas Dipneusti

(10 markah)

2. (a) Berikan pengkelasan Reptilia yang masih hidup sehingga peringkat Order. Catitkan nota ringkas tentang setiap order dan berikan contoh spesifik bagi setiap satu.

(10 markah)

(b) Haiwan Mamalia berikut telah diberikan nama saintifiknya. Berikan nama umumnya dan di dalam order manakah ianya diletakkan.

- (i) *Pteropus vampyrus*
- (ii) *Felis bengalensis*
- (iii) *Rattus rattus*
- (iv) *Elephus maximus*
- (v) *Tapirus indicus*

Catitkan nota ringkas mengenai order-order tersebut.

(10 markah)

(BOI 181/2)

Bahagian B (Jawab DUA soalan dari yang berikut:-)

3. Bincangkan tentang cara pemakanan haiwan Aves dan berikan contoh-contoh spesifik di dalam penjelasan anda.

(30 markah)

4. Amfibia juga dikenali sebagai haiwan perantara di antara ikan dan reptilia. Haiwan ini mula menerokai daratan tetapi tidak berjaya sepenuhnya seperti haiwan Reptilia. Bincangkan ciri-ciri yang dimiliki oleh haiwan ini untuk mengatasi perbezaan keadaan fizikal di antara habitat akuatik dan habitat daratan.

(30 markah)

5. Bincangkan corak pembiakan haiwan Mammalia dan berikan contoh-contoh spesifik di dalam penjelasan anda.

(30 markah)

-oooOooo-